

**UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
FAKULTI SENIBINA, PERANCANGAN DAN UKUR
JABATAN SENIBINA DALAMAN**

OKTOBER 2009

Adalah disyorkan bahawa Projek Penyelidikan ini yang disediakan

Oleh

SITI SYAFIKAH BINTI SHAHERI

bertajuk

**LAPORAN TEKNIKAL CADANGAN REKABENTUK DALAMAN BARU
BAGI FIREFLY AIRLINES TICKETING CENTRE**

Diterima sebagai memenuhi sebahagian daripada syarat untuk memperolehi
Diploma Rekabentuk Dalaman

Penyelia Laporan

~~En. Othman Mohd Nor~~

Koordinator Kursus

~~Pn. Azizah Bt Md Ajis~~

Koordinator Program

~~Professor Madya Dr. Mohd Sabrizaa Bin Abd.Rashid~~

ABSTRAK

Projek akhir ini untuk para pelajar Diploma Rekabentuk Dalaman merupakan manifestasi terhadap kefahaman pelajar tentang seluruh aspek projek rekabentuk dalaman yang telah dipelajari dari peringkat asas hingga ke peringkat cadangan rekabentuk. Projek cadangan yang telah dipilih bagi projek akhir ini ialah merekabentuk hiasan dalaman bagi firefly Airlines Ticketing Centre yang terletak lot kedai 7A, 7B dan 8A di Aras 2, Bangunan Stesen KL Sentral, Jalan Tun Sambathan 53000 Kuala Lumpur. Centre yang dicadangkan kepada Firefly Airlines sebagai centre untuk kemudahan pengguna. Tujuan centre ini dicadangkan untuk memudahkan pengguna serta memperkembangkan lagi penggunaan sistem pengangkutan udara. Sasaran pengguna yang terdapat di Stesen KL Sentral ini kebanyakannya golongan korporat yang menggunakan pengangkutan awam untuk memudahkan perjalanan dan cepat kerana Stesen KL Sentral merupakan stesen yang mempunyai banyak kemudahan pengangkutan awam seperti LRT, Monorail, KLIA Express dan sebagainya. Dari KL Sentral ke destinasi yang telah ditetapkan mengikut pengangkutan yang digunakan. Oleh itu, Stesen KL Sentral merupakan tempat yang komersial untuk mencadangkan projek rekabentuk bagi centre tersebut. Oleh kerana pengguna banyak menggunakan pengangkutan awam bagi memudahkan urusan dan menjimatkan masa, Firefly Airlines juga dapat membantu pengguna sampai ke destinasi dengan lebih cepat dan mudah. konsep dan stail dalam rekabentuk harus bersesuaian dengan citarasa klien dan pengguna supaya dapat memberikan keselesaan ketika menjalankan aktiviti seharian dan juga dalam menjalankan urusan ketika berada di dalam centre. Imej dan konsep yang dipilih juga bukan sahaja perlu sesuai dengan keadaan serta malah mampu memberikan kesan positif serta dapat menarik perhatian pelanggan untuk masuk ke dalam centre. Sehubungan dengan itu, stail rekabentuk yang dipilih untuk Firefly Airlines Ticketing Centre ialah '*modern style*' yang membawa maksud gaya modern yang mengikut mas kini dan mengikut kesesuaian rekabentuk. Gaya rekabentuk yang digunakan ini hampir digunakan seluruh dunia serta mengikut piawai skema rekabentuk dan kod yang telah ditetapkan. Bagaimanapun, sebelum mendapatkan hasil rekabentuk yang sesuai untuk semua latar belakang dari seluruh dunia, beberapa kajian perlu dilakukan di mana kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti kehendak klien dan keselesaan pengguna di Firefly Airlines Ticketing Centre, supaya centre ini mendapat menarik perhatian pengguna, ruang yang perlu dimuatkan dalam centre. Selain itu juga, ruang yang ingin digunakan perlu mencukupi, jenis perkhidmatan yang disediakan, waktu urus niaga beroperasi serta pelbagai maklumat berkenaan yang berkaitan dengan urusan di dalam centres. Antara kaedah kajian ialah melalui temuramah, media cetak, internet, pemerhatian, pengalaman dan juga hasil daripada kajian kes samada dari dalam atau luar negara.

PENGHARGAAN

Bersyukur kepada Ilahi dengan segala limpah kurnianya saya telah dapat menyiapkan laporan projek ini. Setinggi-tinggi penghargaan kepada En.Othman Mohd Nor sebagai penyelia laporan projek ini yang telah banyak membantu dalam usaha saya untuk menyiapkan laporan projek ini. Selain itu, jutaan penghargaan kepada Puan Azizah Binti Md Ajis yang banyak membantu dan memberi tunjuk ajar format yang betul untuk saya menyempurnakan laporan projek ini dalam tempoh yang telah ditetapkan.

Saya juga ingin mengucapkan sekalung penghargaan kepada pihak Firefly Airlines yang merupakan klien saya yang telah banyak memberikan pengetahuan tentang projek dan pendapat tentang keperluan dalam ruang. Di samping itu, tidak lupa juga penghargaan kepada ibu saya yang telah banyak membantu saya dari segi mental, fizikal dan kewangan. Sekian terima kasih

Abstrak	i.
Penghargaan	ii.
Isi Kandungan	iii.
Senarai Rajah	xi.
Senarai Gambar	xi.
Senarai Rujukan	xii.
Senarai Lampiran	vi.

KANDUNGAN

MUKA

SURAT

BAB 1.0 PENDAHULUAN	1
1.1 PENGENALAN	1
1.1.1 DEFINISI	2
1.1.2 JENIS-JENIS CENTRE	2
1.2 OBJEKTIF KAJIAN	3
1.3 MATLAMAT KAJIAN	4
1.4 SKOP KAJIAN	5
1.5 HALANGAN KAJIAN	6
1.6 KEPENTINGAN KAJIAN	7



Airlines Centre

BAB 1.0 PENDAHULUAN

1.1 PENGENALAN

Laporan ini adalah berkenaan tentang pusat informasi yang mempunyai fungsi dan berguna untuk pengguna. Terdapat pelbagai jenis pusat yang berguna seperti pusat perkhidmatan, pusat perlancongan, pusat telekomunikasi, pusat kesihatan dan lain-lain. Centre yang berinformasi ini dapat membantu pengguna. Selain itu, dapat memberi faedah kepada masyarakat dan dapat meningkatkan sektor ekonomi negara dengan lebih baik.

Pusat ini juga memberi kemudahan untuk pengguna yang mempunyai masalah. Centre ini penting untuk pengguna pada masa kini. Dengan adanya pusat yang berinformasi dan berguna ini membolehkan menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh pengguna. Reka bentuk sesuatu pusat juga memainkan peranan penting kerana dari segi rekaan dapat menunjukkan imej dan memudahkan pengguna untuk mengenal pasti centre yang ingin dilawati.

Selain itu, dari segi rekaan juga dapat mengubah konsep sesuatu centre yang berinformasi yang dikehendaki dan dapat meningkatkan lagi perkembangan pusat informasi itu dengan lebih maju.